

Kod Pusat	
Angka Giliran	
No. KP	

PA

Kelolaan Bersama

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

dengan

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH
2017**

PENGETAHUAN AM

Masa: 1 jam

Arahan:

1. Tulis Kod Pusat, Angka Giliran dan Nombor Kad Pengenalan (No. KP) kamu di dalam kotak yang disediakan.
2. Jangan dibuka buku soalan ini sehingga kamu diarahkan boleh berbuat demikian.
3. Baca dan fahamkan soalan-soalan yang diberikan sebelum kamu mula menjawab.
4. Kamu mestilah menjawab semua soalan.

UNTUK KEGUNAAN PEMARKAH SAHAJA

No. Kod Pemarkah	
------------------	--

Markah



BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dan tuliskan huruf (A, B, C atau D) dalam petak yang disediakan.

1. Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masehi 2016 di Istana Nurul Iman, baginda berharap Negara Brunei Darussalam akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang _____.
A. mantap dan berdaya asing
B. mantap dan berdaya mampan
C. mantap dan berdaya saing
D. mantap dan berdaya tahan

2. Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menyambut Ulang Tahun Hari Polis Ke- _____ tahun pada 15 Januari 2016.
A. 56
B. 77
C. 84
D. 95

3. Menurut laporan Jabatan _____, Index Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Disember 2015 meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan November 2015.
A. Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
B. Perhutanan
C. Perikanan
D. Perkembangan Kurikulum

4. Pusat Penyelidikan Dan Inovasi, adalah di bawah Kementerian _____.
A. Hal Ehwal Luar Negeri Dan Perdagangan
B. Kewangan
C. Pembangunan
D. Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan



5. Dalam laporan 'Global Health Survey' 2016, Negara Brunei Darussalam telah ditempatkan di tempat teratas dari segi masalah _____ di rantau ini.
- A. Diabetis
 - B. Jantung
 - C. Obesiti
 - D. Usus
-
6. Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar adalah Timbalan Menteri di Kementerian _____.
- A. Hal Ehwal Dalam Negeri
 - B. Hal Ehwal Luar Negeri
 - C. Pembangunan
 - D. Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan
-
7. Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) terletak di _____, Mukim Batu Apoi, Temburong.
- A. Kampung Danau
 - B. Kampung Gadong Baru
 - C. Kampung Labi
 - D. Kampung Puni
-
8. Hari Kesihatan Telinga dan Pendengaran Sedunia disambut pada _____ setiap tahun di seluruh dunia bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya penjagaan telinga dan pendengaran yang baik.
- A. 1 Januari
 - B. 2 Februari
 - C. 3 Mac
 - D. 4 April
-
9. Institut Teknologi Brunei menempah sejarahnya apabila ia dikenali sebagai _____ pada hari Sabtu, 26 Mac 2016.
- A. Induk Teknologi Brunei
 - B. Industri Teknologi Brunei
 - C. Universiti Teknologi Brunei
 - D. Universiti Teknologi KeBruneian
-



10. Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke _____.

A. Arab Saudi
 B. Mesir
 C. Turkey
 D. Yemen

11. "Pada hemah beta, perhatian kita terhadap Al-Quran setakat ini adalah sebagai tanda kita menunaikan tanggungjawab beragama dengan sempurna. Dalam masa yang sama kita juga bertabarruk atau mengambil berkat daripadanya kerana kitab suci Al-Quran itu adalah pembawa keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala."

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran _____ Peringkat Akhir Kebangsaan pada 13 Rejab 1437 Hijrah/21 April 2016 Masehi.

A. Bahagian Belia
 B. Bahagian Dewasa
 C. Bahagian Jabatan-Jabatan
 D. Bahagian Kementerian-Kementerian

12. Perintah Ketidaksolvenan 2016 adalah untuk memberikan penekanan yang menjurus pada penstrukturan semula juga pemulihan _____ serta perlindungan kepada si penghutang dan pemiutang.

A. badan
 B. jabatan
 C. kedai
 D. syarikat

13. Institut Pendidikan Teknikal Brunei (ITBE) melakar sejarah apabila dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 yang berlangsung di *The Longhouse Training Restaurant*, Kampus IBTE _____, Jalan Muara.

A. Sultan Bolkiah
 B. Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
 C. Sultan Muda Hashim
 D. Sultan Saiful Rijal



14. Kampung Bukit yang terletak di Daerah Tutong termasuk dalam Mukim _____
- A. Bukit Sawat
 - B. Keriam
 - C. Tanjung Maya
 - D. Ukong
-
15. Dalam laporan Siaran Akhbar Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi (JPKE) pada bulan April tahun 2016, Imbangan Perdagangan Negara adalah sebanyak _____ juta.
- A. BND175.9
 - B. BND185.9
 - C. BND195.9
 - D. BND200
-
16. Majalah *The Banker* telah mengeluarkan kedudukan tahunan 1000 Bank Dunia yang mana _____ telah disenaraikan di kedudukan ke-38 dari segi kekukuhan nisbah asset modal.
- A. Bank Baiduri
 - B. Bank Islam Brunei Darussalam
 - C. Maybank
 - D. Tabung Amanah Islam Brunei
-
17. Akhbar rasmi kerajaan, _____ mula diterbitkan pada 15 Februari 1956. Awalnya ia diterbitkan dua minggu sekali dalam bentuk siklostik.
- A. Beriga
 - B. Borneo Bulletin
 - C. Media Permata
 - D. Pelita Brunei
-
18. Peserta tunggal atlet Negara Brunei Darussalam, Mohd Fakhri bin Ismail telah mengikuti Acara Olahraga dalam Sukan Olimpik Rio 2016. Acara olahraga yang diikuti beliau ialah _____.
- A. 100 meter
 - B. 200 meter
 - C. 400 meter
 - D. 1,500 meter
-

19. Presiden Republik Sosialis Viet Nam, _____ Tran Dai Quang telah membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari bermula pada hari Sabtu, 27 Ogos 2016.
- A. Dato Paduka
 - B. Tuan Yang Terutama
 - C. Yang Berhormat
 - D. Yang Mulia
-
20. Jabatan Pengajian Islam (JPI) sangat menitikberatkan kepentingan bacaan Al-Quran murid-murid di persekolahan ugama sebagai salah satu mekanisme untuk melahirkan 'Generasi Al-Quran'. Program tersebut dinamakan '_____'.

- A. Satu Minggu Satu Juzuk
 - B. Satu Minggu Satu Kitab
 - C. Satu Minggu Satu Lafaz
 - D. Satu Minggu Satu Tauhid
-
21. Mengikut laporan dari *International Telecommunication Union*, Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke-_____ daripada 167 buah negara di dalam *ICT Development Index 2015*.
- A. 24
 - B. 50
 - C. 71
 - D. 105
-
22. Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1986. Persatuan ini ditubuhkan untuk meningkatkan kebajikan kanak-kanak cacat kurang upaya di Negara Brunei Darussalam yang belum menghadiri sebarang bimbingan dan latihan secara formal. Ibu Pejabat persatuan ini letaknya di _____.
- A. Kampung Katimahar
 - B. Kampung Kiarong
 - C. Kampung Kiudang
 - D. Kampung Kiulap
-



23. Diploma Aliyah Qira'at dianugerahkan kepada para graduan yang telah menamatkan pengajian di _____.

- A. Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- B. Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- C. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
- D. Universiti Islam Sultan Sharif Ali

24. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Surat Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik _____, Puan Yang Terutama Dayang Johariah binti Haji Abd Wahab.

- A. Costa Rica
- B. Demokratik Timor-Leste
- C. Filipina
- D. Singapura

25. Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Kebangsaan Ke-19 Tahun 2016 telah dimenangi oleh Kumpulan _____ dari Jabatan Ukur Kementerian Pembangunan.

- A. ITQAN
- B. LAKAS
- C. TBT15
- D. ToCad

26. Lebuh Raya Pan Borneo adalah usahasama Negara Brunei Darussalam dengan _____.

- A. Malaysia
- B. Republik Indonesia
- C. Republik Singapura
- D. Thailand



27. Pertandingan Kawad Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Seluruh Negara Kali Ke-21 telah diadakan pada hari Rabu, 30 November 2016, di _____.
- A. Sekolah Menengah Katok, Gadong
 B. Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Brunei Muara
 C. Sekolah Menengah Rimba I, Gadong
 D. Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong
28. 'Merealisasikan Kecemerlangan Pekerjaan Melalui Pembangunan Keupayaan, Kecekapan dan Prestasi' adalah tema sempena _____.
- A. Pelancaran Pesta Hari Belia 2016
 B. Pelancaran Pesta Kerjaya Brunei 2016
 C. Pelancaran Pesta Menuai 2016
 D. Pelancaran Pesta Petani, Peladang dan Nelayan 2016
29. Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah berkenan menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas _____ pada hari Sabtu, 16 Januari 2016.
- A. Jambatan Penghubung Limbang dan Temburong
 B. Jambatan Sungai Kebun
 C. Jambatan Sungai Teraban
 D. Jambatan Temburong
30. _____ terletak di Kampung Bukit Udal, Mukim Tanjong Maya.
- A. Taman Peranginan Nak Pulau
 B. Taman Peranginan Tasik Lama
 C. Taman Persiaran dan Menara Cendera Kenangan
 D. Taman Riadah Tasik Sarubing

(30 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--



BAHAGIAN B

Tulis **BETUL** atau **SALAH** di ruangan yang disediakan di bawah ini:

31. Menurut *syarak*, seorang anak lelaki atau perempuan yang kaya atau berupaya bekerja mencari pendapatan serta hartanya atau pendapatannya itu pula berbaki setelah diperuntukkan untuk nafkah dirinya, anaknya dan isterinya (jika ada), wajib menanggung nafkah kedua ibubapanya sekiranya bapanya seorang yang fakir. _____
32. Penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) member kesan kepada sector automatif dan berperanan besar dalam memacu peningkatan persaingan, inovasi dan ekonomi dinamik dalam pasaran automatif di rantau ASEAN. Ahli ASEAN dengan objektif untuk menguji cuba, mengamalkan, merebiu serta membuat penilaian terhadap mekanisme respons keceriaan dan pengurusan bencana ASEAN. _____
33. Talian Darussalam 123 (TD123) telah memperkenalkan dua saluran baharu untuk orang ramai membuat aduan atau memukakan pertanyaan. Saluran baharu tersebut adalah 'TD123 Mobile App' dan 'TD123 Live Chat'. _____
34. Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan nasihat perlindungan diri dari ZIKA semasa belayar ke luar negeri. Salah satu daripadanya ialah jumpa doktor jika merasa sakit semasa atau 2 minggu selepas perjalanan kita. _____
35. Kompleks Tamu Kianggeh baharu terletak di tepi Sungai Kianggeh berhadapan dengan Jalan Kianggeh dan berkeluasan 4,450 meter persegi. Kompleks ini mempunyai lima blok bangunan yang menyediakan sebanyak 147 bangku untuk petak kekal dan 3 blok bangunan dengan 164 bangku untuk penjaja setiap hari Sabtu dan Ahad. _____

(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--



BAHAGIAN C

Jawab soalan-soalan berikut di ruangan yang disediakan.

36. Nyatakan **dua majalah** yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

(a) _____

(b) _____

37. Kementerian Kesihatan telah melaporkan terdapat dua puluh empat kes penyakit Difteria yang melibatkan lima kematian pada tahun 2016 di Negara Brunei Darussalam. Nyatakan **dua daripada simptom** penyakit tersebut.

(a) _____

(b) _____

38. Awang Haji Othman bin Haji Lahab telah memperolehi pingat perak dalam Kejohanan Salatiga *Masters Athletics Championships* (SMAC) 2016 di Jawa Tengah, Indonesia. Nyatakan **dua acara olahraga** yang telah diperolehi oleh beliau.

(a) _____

(b) _____

39. Nyatakan **dua anak-anak syarikat** yang terdapat di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

(a) _____

(b) _____

40. Berikan **nama lengkap** bagi singkatan huruf di bawah ini.

(a) PEKIRA = _____

(b) JPM = _____

(20 markah)

JUMLAH MARKAH	
---------------	--



BAHAGIAN D

Jawab semua soalan berikut:

41. Nyatakan **lima kod pakaian lelaki dan perempuan** yang diperbolehkan dalam menghadiri Majlis Mesyuarat Negara.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

42. Jawab soalan-soalan berikut yang berhubung kait dengan **perkembangan Islam**.

- (a) _____ merupakan fungsi yang sangat besar kepada Islam dan umat Islam di mana ia bukan sahaja tempat untuk mendirikan ibadat, bahkan juga menjadi pusat masyarakat Islam untuk mendirikan aktiviti-aktiviti keagamaan, ilmiah, kemasyarakatan dan sebagainya.
- (b) Ganjaran solat berjemaah sangat berbeza daripada solat bersendirian sepertimana di dalam hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud 'Solat berjemaah melebihi solat bersendirian dengan _____ darjat.'
- (c) Al-Quran telah diturunkan pada malam _____ dan malam itu lebih baik daripada seribu bulan.
- (d) Ibadah _____ menjadi suatu tuntutan yang sudah setentunya mendapat kelebihan serta ganjaran pahala daripada Allah bagi sesiapa sahaja yang mampu dan bersungguh-sungguh melakukannya pada Hari Raya Aidil Adha.
- (e) Zakat terbahagi kepada dua (2) iaitu _____ dan Zakat Harta.

(10 markah)



43. Nyatakan **lima** daripada 8 buah **negara ASEAN** yang menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-8 yang berlangsung selama sembilan hari bermula 21 hingga 29 Julai 2016.

- (a) _____
(b) _____
(c) _____
(d) _____
(e) _____

(5 markah)

44. Tahun 2016 merupakan tahun terakhir bagi RKN10 yang bermula pada 1 April 2012.

Senaraikan **lima peruntukan RKN** yang telah diagihkan kepada sektor utama di negara ini.

- (a) _____
(b) _____
(c) _____
(d) _____
(e) _____

(5 markah)



45. Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-43 (SSEAYP) telah berlangsung bermula pada 25 Oktober hingga 15 Disember 2016 dengan mengumpulkan 330 peserta dari 11 buah negara dengan menggunakan Kapal Nippon Maru.

Senaraikan **lima buah negara** yang terpilih **disinggahi** oleh Kapal Nippon Maru tersebut.

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____
- (d) _____
- (e) _____

(5 markah)

(30 markah)


JUMLAH MARKAH	
---------------	--



BAHAGIAN E

46. Isikan petak yang kosong dengan jawapan yang sesuai pada peta di bawah ini.

LAUTAN HINDI	SAUDI ARABIA	YEMEN	THAILAND	LAUT JAWA
---------------------	---------------------	--------------	-----------------	------------------



(10 markah)

JUMLAH MARKAH	
----------------------	--

